

D916

U 8006 BAH

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI 2 MAC)

MAHATHIR - TILAWAH

KUANTAN, 2 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA KERAJAAN MEMENTINGKAN PERSEIMBANGAN ANTARA PEMBANGUNAN ROHANI DAN KEBENDAAN AGAR NEGARA TERUS MAJU TETAPI RAKYAT TETAP MEMPUNYAI PERADABAN TINGGI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MAHU SEKIRANYA NEGARA MAJU TETAPI PENDUDUKNYA TIDAK MEMPUNYAI NILAI HIDUP YANG TINGGI DAN HIDUP BEBAS TANPA PERADABAN.

+SEBALIKNYA KITA JUGA TIDAK MAHU HANYA NILAI HIDUP DAN PERADABAN YANG TINGGI TETAPI NEGARA DAN RAKYAT MUNDUR DAN MISKIN SEHINGGA MENGHINAKAN AGAMA KITA,+ KATANYA PADA MAJLIS PENUTUP TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI SINI.

+KITA HENDAKLAH MENGIMBANGKAN KEDUA-DUA ASPEK YANG PENTING INI. KITA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA KERANA RAKYAT MALAYSIA TIDAK KETERLALUAN SEHINGGA MENCETUSKAN MASALAH YANG TIDAK DIKEHENDAKI OLEH AGAMA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGESA SELURUH RAKYAT TERUTAMA UMAT ISLAM SUPAYA MENINGKATKAN PERPADUAN DAN PERASAAN MUHIBAH KE ARAH PEMBINAAN SEBUAH NEGARA ISLAM YANG GEMILANG. -- LAGI
2114MST 02 03 90

D917

U 8007 BAH

MAHATHIR - TILAWAH 2 KUANTAN (EMBARGO)

KATANYA, PERKEMBANGAN DAKWAH DI NEGARA INI KINI MEMBANGGAKAN KERANA UMAT ISLAM BERMINAT UNTUK MENGHAYATI ISLAM MANAKALA BADAN-BADAN DAKWAH BERUSAHA MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM KE SELURUH NEGARA.

BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU, ADA SEKUMPULAN PENDAKWAH YANG SUKA MENIMBULKAN PERKARA YANG FURU' ATAU PERKARA CABANG YANG TELAH SELESAI DIPUTUSKAN OLEH ULAMA SILAM, SAMA ADA DARIPADA ASPEK HUKUM ATAU IKTIQAD IAITU KEPERCAYAAN.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA PENONJOLAN ISU-ISU ITU TIDAK MENDATANGKAN MANFAAT MALAH MENIMBULKAN KEKELIRUAN DAN PERPECAHAN, BELIAU MENINGGATKAN UMAT ISLAM SUPAYA JANGAN LEKA MEMBINCANGKAN PERKARA YANG TIDAK BERFAEDAH TETAPI MEMENUHI MASA DENGAN KEGIATAN YANG BOLEH MEMAJUKAN DIRI, MASYARAKAT DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA BAHAWA PERLETAKAN SENJATA OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA SEBENARYA ADALAH NATIJAH DARIPADA PERPADUAN RAKYAT SEHINGGA MEMATAHKAN KEYAKINAN KOMUNIS UNTUK MENGUASAI RAKYAT MALAYSIA MELALUI IDEOLOGI MEREKA.

+KITA, RAKYAT MALAYSIA TELAH BERSEPAKAT UNTUK MENOLAK SECARA TOTAL IDEOLOGI DAN TATACARA HIDUP MEREKA. PERPADUAN YANG BEGINILAH YANG MEMBAWA KEPADA KETEGUHAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA,+ KATANYA. -- LAGI

2116MST 02 03 90

D918

U 8008 BAH
MAHATHIR - TILAWAH 3 KUANTAN (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGAJAK UMAT ISLAM SUPAYA MENGHAYATI DAN MENTELADANI TOKOH-TOKOH ISLAM SEPerti ABDULLAH IBN SINA DAN IBN KHALDUN SUPAYA UMAT ISLAM AKAN DIHORMATI OLEH GOLONGAN BUKAN ISLAM.

+TIDAK ADA SESIAPA AKAN TERTARIK DENGAN AGAMA SUKU-SUKU KAUM YANG KOLOT DAN TIDAK PERNAH BERJAYA. APABILA ORANG ISLAM TIDAK LAGI MAJU, MAKA PERKEMBANGAN ISLAM PUN TERHENTI.

+DI NEGARA TERTENTU, AGAMA ISLAM TELAH MEROSOT SEHINGGA ADA ORANG ISLAM YANG MENINGGALKAN AGAMA DAN MENERIMA IDEOLOGI-IDEOLOGI YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM,+ KATANYA.

SERAMAI 28 QARI DAN QARIAH MENYERTAI TILAWAH BERTEMAKAN +BERSATU TEGUH+ SELAMA LIMA MALAM ITU. -- BERNAMA
2116MST 02 03 90